

Mahathir mahu bandaraya indah dengan pohon₂ hijau

MM 27 JAN 88

(P)
KUALA LUMPUR
26 Jan. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahu bandaraya ini dijadikan sebagai kota taman dan bangunan - bangunan baru yang didirikan di sekitarnya dipindahkan dengan tanaman hijau.

Perdana Menteri menegaskan beliau tidak mahu pembangunan pesat yang berjalan sekarang menjadikan Kuala Lumpur, sebuah bandaraya hutan konkrit.

"Sebaliknya ia hendaklah menjadi daya penarik kepada para pelancong dan selesa bagi penduduknya dengan tanaman hijau di tepi - tepi jalan dan taman - taman kecil yang indah di celah - celah bangunan," kata beliau ketika berucap merasmikan Menara APERA - ULG berharga \$80 juta di Jalan Raja Culan di sini pagi ini.

Bangunan setinggi 20 tingkat dan berbentuk bujur itu adalah hasil usahasama pemaju - pemaju Malaysia dan Filipina.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, suasana jalan raya yang redup dengan pohon - pohon hijau akan membolehkan orang awam lebih selesa bersiar - siar atau berjalan kaki ke pejabat dari perhentian - perhentian bas.

"Ini sudah tentu akan mengurangkan kesesakan lalulintas dan mengurangkan bunyi bising," ujar beliau.

Perdana Menteri mengingatkan pihak swasta dan jabatan - jabatan kerajaan supaya

sentiasa menjaga keindahan bangunan masing - masing dan jangan di biarkannya menjadi lapuk.

Katanya, sekiranya perbelanjaan yang besar sanggup dikeluarkan untuk mendirikan sesebuah bangunan, usaha - usaha hendaklah dilakukan bagi mengekalkan ciri - ciri kecantikannya.

Atas sebab demikianlah, kata beliau, maka kerajaan sentiasa menekankan supaya pihak - pihak yang hendak mendirikan bangunan menentukan aspek kecantikannya turut diambil kira.

"Seboleh - bolehnya setiap bangunan mesti ada tanam - tanaman pokok - pokok yang hijau kerana ia bukan sahaja akan menimbulkan suasana iklim yang nyaman bagi penduduk bandaraya tetapi juga akan menjadi satu daya penarik bagi pengunjung - pengunjung ke Kuala Lumpur," tambah Datuk Sri Dr. Mahathir.

Serentak dengan itu, Perdana Menteri mengesyorkan supaya negara - negara ASEAN

bekerjasama lebih rapat dalam bidang ekonomi bagi menjadikan Asia Tenggara pusat pertumbuhan terkemuka di dunia.

Katanya, kerjasama yang rapat di antara negara - negara berkenaan akan menguntungkan Asia Tenggara dan memanfaatkan semua penduduknya.

Beliau berharap kerjasama di antara pemaju Malaysia dan Filipina dalam projek Menara APERA - ULG ini akan menjadi suatu lambang kejayaan bandaraya Kuala Lumpur sebagai pusat komersial yang terkenal di Asia Tenggara.

"Saya percaya kerjasama seumpama akan menyebabkan pertumbuhan ekonomi serantau yang lebih pesat dan kukuh di rantau ini," kata Datuk Sri Dr. Mahathir.

Beliau juga mahu supaya kerjasama tersebut dijadikan contoh kepada syarikat - syarikat lain bagi mewujudkan hubungan usahasama dengan negara - negara ASEAN.

Bangunan APERA - ULG itu merupakan pusat perkhidmatan kewangan yang menempatkan bank perdagangan,

bank saudagar, syarikat saham, syarikat kewangan dan pajakan, syarikat insurans dan firma broker.